

11/11/1999

Dua cabaran besar bagi BN

A Kadir Jasin

"DULU Dr Mahathir geliga," jerit pelawak Pas, Yang Berhormat Mohamad Sabu kepada khalayaknya pada satu ceramah di Pantai Dalam baru-baru ini "tetapi sekarang Dr Mahathir....?" dia bertanya sambil membiarkan hujahnya tergantung.

Khalayak diam. Menyedari lawaknya tidak difahami atau kerana mereka tidak sekesat beliau, Mohamad Sabu menjawab: "Sekarang Dr Mahathir gila!" Pas dan Parti Keadilan Nasional juga menggunakan pelekat-pelekat lain bagi mengutuk Perdana Menteri dan Barisan Nasional. Antaranya Maha Kejam dan MahaFiraun.

Demikianlah terdesaknya pembangkang sejak akhir-akhir ini sehingga terpaksa menggunakan taktik murahan untuk menarik minat orang ramai.

Kesopanan dan kewarasan yang dituntut Islam tidak ada tempat lagi. Dalam suasana sedemikian terserlahlah ahli politik kelakar seperti Mohamad Sabu.

Ayat al-Quran dan Hadis dengan mudahnya dicampuradukkan bersama kekesatan dan kelucahan sebagai hidangan politik. Dan semudah itu pula rojak politik ini diberikan pelekat 'Islam'.

Apakah Islam namanya menggelar seseorang gila dan Firaun dengan begitu mudah? Apakah Islam namanya menghasut khalayak membenci seseorang dengan label-label yang mereka sendiri tidak faham?

Tetapi kelakuan parti pembangkang, khususnya Pas, sebegini tidak memeranjatkan. Ia membayangkan fikiran mereka yang kacau, terdesak dan takut.

Mengapa tidak? Semakin terdesak untuk berpakat, semakin retak pula barisan mereka.

Tidak sampai dua hari manifesto bersama mereka diumumkan 24 Oktober lalu, ia dikoyak dan dicampakkan oleh pemimpin-pemimpin Pas sendiri.

Presiden Pas Datuk Fadzil Noor yang menandatangani kenyataan bersama mengenai manifesto itu bersetuju tidak memasukkan tuntutan Negara Islam, rakannya dari Terengganu Abdul Hadi Awang pula mengemukakan pendapat yang bercanggah.

Beliau berkata, Pas Terengganu akan mengeluarkan manifestonya sendiri yang pastinya mengandungi peruntukan Negara Islam.

Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang lantas membalas dengan mengancam akan keluar barisan jika Pas terus menuntut penubuhan Negara Islam. "Langkah mayat saya," demikian reaksi Karpal Singh.

Manifesto itu pula jelas disegerakan penyebarannya kerana parti-parti pembangkang mahu mengalihkan pandangan umum daripada tuduhan keracunan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang terbukti tidak berasas.

Pas dan DAP mahu rakyat segera melupakan hakikat mereka termasuk perangkap yang dipasang oleh Keadilan yang begitu hebat memperalatkan dakwaan keracunan arsenik Anwar.

Lebih daripada itu, DAP terpaksa menerima hakikat bahawa secara langsung atau tidak ia terbabit dengan konspirasi keracunan arsenik itu kerana Karpal begitu lantang memainkan isu berkenaan dalam mahkamah.

Kini mereka terperangkap jerat sendiri apabila pemeriksaan pakar tempatan, United Kingdom dan Australia mendapati Anwar tidak menderita keracunan arsenik.

Maka cara terbaik melindungi pekung di dada yang semakin bernanah ialah dengan mengalih pandangan umum kepada isu-isu lain dan membuat pelbagai tuduhan yang tidak masuk akal terhadap lawan.

Dan yang keloloh dan pandai berjenaka pun berjenakalah supaya hadirin

tidak kering gusi dan derma terus mengalir ke dalam kocek.

Hatta Tok Guru Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat pun tidak lagi dapat mengelakkan diri daripada melatah kerana berasa diri terasak dan terdesak. Sikapnya ini jelas apabila baru-baru ini beliau dengan berani berkata Pas sedia menerima orang bukan Islam sebagai Perdana Menteri.

Kenyataan beliau itu serta-merta disanggah oleh Fadzil dan pemimpin lain sambil menuduh media sengaja memutarbelitkan ucapan Nik Aziz untuk mengelirukan rakyat.

Malangnya, Nik Aziz tidak pula menafikan hujahnya, bahkan menegaskan bahawa beliau bersedia menerima orang bukan Islam sebagai Perdana Menteri. Ahli politik tetap ahli politik tidak kira dia seorang peguam, doktor, jurutera, wartawan atau tok guru.

Namun ini tidak bermakna BN boleh dengan mudah menolak kempen pembangkang. Hujah dan tuduhan mereka perlu disangkal dengan bijak dan waras.

Yang perlu diperhatikan ialah ia jangan terperangkap dengan politik murahan Pas dan parti-parti yang bersekongkol dengannya.

Bagi BN dan parti-parti gabungannya, pilihan raya umum kali ini mengemukakan dua cabaran besar.

Pertama mengatasi pembangkang yang lebih gigih. Kedua mengatasi cabaran kekal sebagai parti gabungan yang boleh membawa rakyat ke alaf baru.

Daripada beberapa aspek, cabaran kedua ini lebih kritikal daripada menangkis asakan pembangkang semata-mata.

Cabaran pembangkang bukan perkara baru bagi BN. Sejak pilihan raya perbandaran Kuala Lumpur tahun 1952 lagi parti-parti BN (waktu itu Perikatan) telah berdepan dengan pembangkang.

Dalam pilihan raya kali inipun, harapan BN mematahkan serangan pembangkang lebih cerah daripada yang berani diramalkan oleh sesetengah pemerhati. Tidak mustahil bagi BN mempertahankan kelebihan suara dua-pertiganya.

Yang menjadi tanda tanya ialah sama ada BN mampu melakukan perubahan dan mengemukakan agenda yang boleh meyakinkan pengundi atas pagar, khasnya pemilih muda, yang jelas lebih besar bilangannya kali ini berbanding pilihan raya sebelumnya.

Ada pemerhati dan pengulas politik yang berpendapat cara terbaik mengekalkan perpaduan dalaman ialah dengan BN mengekalkan status quo dan tidak membuat perubahan mendadak.

Yang lain pula berpendapat hanya dengan membuat perubahan yang ketara BN boleh meyakinkan pengundi bahawa ia bersedia berubah dengan masa.

Perubahan ketara yang dimaksudkan itu ialah menggugurkan wakil-wakil rakyat yang lesu dan tidak lagi berkesan dan menggantikan mereka dengan muka-muka baru yang berwibawa, berpendidikan dan berwawasan.

Mungkin sukar bagi BN terus meyakinkan pengundi ia parti evergreen (sentiasa segar) dan parti yang mengutamakan generasi pelapis dan wanita jika tidak cukup ramai wajah baru dan calon wanita dikemukakan.

Di dalam suasana yang mana Pas dengan terang-terang tidak mengutamakan perwakilan wanita, adalah menjadi tanggungjawab BN mengimbangnya dengan mengemukakan lebih ramai calon wanita.

Parti-parti komponen BN mempunyai ramai ahli dan aktivis muda yang terdiri daripada ahli profesional sektor awam dan swasta yang boleh dipilih sebagai calon.

Ada pemerhati dan pengulas politik yang berpendapat sekurang-kurangnya 30 peratus daripada calon BN dalam pilihan raya kali ini harus terdiri daripada wajah-wajah baru.

Wajah baru sahaja tidak memadai. BN juga perlu terus mengemukakan agenda dan dasar yang segar. Agenda kontemporari (semasa) seperti remaja, alam sekitar, good governance dan empowerment akan menambahkan appeal (daya

tarikan) BN.

Walaupun keperluan untuk menang menjadi keutamaan, BN tentulah tidak mahu kemenangan kosong. Ia tentu mahu menang dengan janji-janji yang bernas. Sebagai parti pemerintah, menang sahaja tentulah tidak memadai.

BN pastinya mahu menjanjikan barisan yang lebih bersatu, matlamat yang lebih sepadu dan wawasan yang lebih jitu.

(END)